

18 JULAI 2018

Pengedar syabu kena cekup

Pengedar syabu kena cekup

LIPIS - Sepucuk pistol, 11 butir peluru hidup dan sebutir kelongsong peluru antara yang ditemui dan dirampas hasil tangkapan dua lelaki di daerah ini kira-kira jam 4 petang kelmarin. Turut dirampas 37.63 gram dadah jenis syabu bernilai RM36,000.

Ketua Polis Daerah, Superintendan Azry Akmar Ayob berkata, kedua lelaki terbabit berusia lingkungan 30 hingga 37 tahun itu ditahan hasil serbuan anggota Bahagian Siasatan Jenayah dan Narkotik Daerah di hadapan sebuah rumah di kawasan Merapoh.

Menurutnya, hasil pemeriksaan ke atas suspek

berusia 30 tahun, pihaknya menjumpai satu beg silang warna hitam mengandungi empat peket plastik berisi serbuk ketulan kristal disyaki jenis dadah syabu dan sebutir peluru hidup.

"Pemeriksaan lanjutan ke atas kereta jenis Proton Satria berwarna kelabu di hadapan rumah itu pula menemui sepucuk senjata api dengan sebutir peluru hidup di dalam sebuah beg hitam.

"Turut dijumpai stoking mengandungi sembilan butir peluru hidup dan satu kelongsong peluru," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Bahagian Siasatan Jenayah dan Narkotik Daerah, Asisten Superintendan S.V Chandran.

Menurutnya, kedua-dua suspek tidak bekerja dan lelaki berusia 37 terbabit memiliki empat rekod lampau dan seorang lagi mempunyai tiga rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah.

"Kedua-dua suspek dipercayai aktif mengedar dadah di Merapoh dan Gua Musang, Kelantan dan salah seorang suspek berusia 30 tahun baharu seminggu bebas dari penjara.

"Kedua-duanya ditahan reman selama seminggu bermula semalam," katanya.



Azry Akmar (dua, kanan) bersama Chandran (dua, kiri) menunjukkan hasil rampasan terhadap suspek dalam sidang media, semalam.